

Permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan untuk mengisi jawatan seperti berikut:

Bil.	Jawatan & Gred	Taraf	Kekosongan
1.	Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E9	Kontrak	1

- IKLAN DAN PERMOHONAN JAWATAN KOSONG**

Iklan dan Borang Permohonan boleh dimuat turun melalui pautan di bawah:

<https://jawatan.johor.gov.my>



1. Skim Perkhidmatan	:	Pegawai Ehwal Ekonomi
Gred	:	E9
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Ekonomi
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan dan Profesional
Taraf Jawatan	:	Kontrak
Tempoh Lantikan	:	1 tahun
Kekosongan Jawatan	:	1 kekosongan

Jadual Gaji

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM 2,250.00	RM 11,110.00	RM 225.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklanjawatan; dan
- (c)
 - (i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred E9 : RM2,250.00); atau

- (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred E9 : RM2,470.00); atau

- (iii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred E9 : RM2,690.00); atau

(iv) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred E9: RM3,020.00); atau

(v) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred E9: RM3,020.00); atau

(vi) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred E9 : RM3,130.00); atau

(vii) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred E9 : RM3,240.00)

Calon bagi lantikan hendaklah **Iulus empat (4) mata pelajaran dan memiliki Kepujian dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- | | |
|---------------------|--|
| Fungsi Bidang Tugas | <ol style="list-style-type: none">1. Merangka dasar dan strategi pembangunan berhubung dengan pendapatan negeri, KDNK negeri dan perakaunan negara (national accounting);2. Membuat unjuran bagi pembolehubah utama ekonomi makro dalam tempoh jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang untuk Rancangan Pembangunan Lima Tahun dan Rangka Rancangan Jangka Panjang;3. Menganalisa prestasi dan prospek ekonomi serta unjuran mengikut sektor pengeluaran dalam ekonomi;.4. Mengkaji dan meneliti perubahan struktur ekonomi negara serta mengenalpasti potensi dan sumber baru pertumbuhan ekonomi;5. Memantau keberkesanan dasar fiskal, khususnya belanjawan sektor awam;6. Memantau dan mengikut perkembangan perdagangan luar negara, imbalan pembayaran dan pertukaran wang asing;7. Memantau dan memastikan perkembangan harga dalam negeri dalam suasana stabil dan sederhana seperti yang dicerminkan oleh Indeks Harga Pengguna dan Indeks Harga Pengeluar; |
|---------------------|--|

8. Mengemaskini portal Kementerian Ekonomi berkaitan dengan petunjuk-petunjuk utama ekonomi terkini;
9. Menyediakan Laporan Ekonomi Tahunan Negeri dan Data Asas Negeri;
10. Memantau kedudukan ekonomi dan petunjuk-petunjuk ekonomi terkini serta menyediakan kertas kedudukan semasa ekonomi negeri bagi mesyuarat-mesyuarat utama kerajaan.

CARA MEMBUAT PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dilakukan secara dalam talian di <https://jawatan.johor.gov.my>

**TARIKH BUKA PERMOHONAN PADA : 7 APRIL 2025 JAM 8 PAGI
TARIKH TUTUP PERMOHONAN PADA : 20 APRIL 2025 JAM 5 PETANG**

2. Catatan Am :

- i. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan/ senarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
- ii. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport terkini, salinan kad pengenalan, salinan sijil kelahiran, sijil-sijil keputusan peperiksaan dan tamat persekolahan, serta salinan pengiktirafan kelayakan dari Agensi kelayakan Malaysia (MQA) bagi kelulusan Ijazah yang **telah diakui sah** salinannya.
- iii. Permohonan daripada kakitangan yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan, Badan-badan berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan sekiranya dipanggil temuduga, hendaklah menyertakan Surat Sokongan dari Ketua Jabatan, Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini berserta Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi 3 (TIGA) tahun terakhir secara fizikal.
- iv. Cetakan borang daripada sistem hendaklah dicetak bagi calon yang dipanggil untuk proses temuduga.
- v. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
- vi. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab oleh pemohon sendiri.

**SETIAUSAHA BAHAGIAN,
BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI JOHOR
ARAS 1 & 2, BLOK B
BANGUNAN DATO' JAAFAR MUHAMMAD
KOTA ISKANDAR
79503 ISKANDAR PUTERI**

